

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk mengecualikan bayaran sewa dan taksiran untuk semua jenis premis di Kuala Lumpur yang tidak berpenghuni / tiada penyewa bagi satu tempoh tertentu dan memberikan pembiayaan mikro kredit tanpa cagaran dan tanpa faedah kepada penjaja/peniaga kecil di Kuala Lumpur ketika krisis ekonomi akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pengecualian dan pengurangan Cukai Taksiran berdasarkan Akta 171

Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggunakan seksyen 134 dan 135 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk memberikan pengecualian atau pengurangan kadar cukai taksiran tetapi tertakluk kepada mereka yang layak sahaja iaitu terdiri daripada premis yang bermaksud keagamaan, tempat awam, rekreasi, sosial atau kebajikan dan bukan untuk mendapatkan keuntungan

Walaupun bagaimanapun di bawah seksyen 162 akta yang sama, pemilik premis boleh memohon untuk mendapatkan elaun kekosongan iaitu pulangan balik sebahagian daripada cukai taksiran yang telah dibayar sekiranya premis tidak dapat disewakan, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

DBKL juga memberi pertimbangan untuk pemilik harta membuat penangguhan bayaran cukai taksiran sehingga 31 Disember 2020 secara ansuran bagi meringankan beban pembayar cukai ketika melalui fasa pandemik Covid 19.

Oleh yang demikian, berdasarkan peruntukan sediaada tiada pengecualian atau diskaun cukai disebabkan oleh pandemik Covid-19.

Pengecualian sewa

Bagi premis milik DBKL dibawah seliaan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) yang disewakan sama ada kediaman atau komersial diberi pengecualian sebulan sewa pada bulan **April 2020** dengan syarat **tiada tunggakan** sewa melebihi 3 bulan sehingga 31 Mac 2020.

Daripada keseluruhan 607 premis komersial, kediaman dan tempat letak kereta yang disewakan, 374 penyewa adalah layak diberikan pengecualian sebulan sewa tersebut dengan nilai sebanyak RM901 ribu.

Seterusnya, berkaitan Inisiatif Wilayah Cakna yang telah diumumkan pada 26 Mac 2020, DBKL telah meluluskan pengecualian sewa bagi tempoh 6 bulan bermula Mac 2020 kepada penjaja dan peniaga kecil yang menyewa lot gerai di pasar dan pusat penjaja milik DBKL.

Pengecualian ini diberikan kepada 6,708 akaun sewa aktif dengan anggaran jumlah sewa dan caj perkhidmatan sebulan sebanyak RM1.45 juta. Anggaran jumlah keseluruhan pengecualian bagi tempoh 6 bulan adalah sebanyak RM8.75 juta.

Mikro kredit

Bagi pembiayaan mikro kredit, berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada, DBKL tidak diperuntukkan untuk memberikan pembiayaan mikro kredit kepada penjaja/ peniaga kecil.

Sekian, terima kasih.